



**POLIS DIRAJA MALAYSIA**  
**REPOT POLIS**

Balai : JINJANG  
Daerah : SENTUL  
Kontinjen : KUALA LUMPUR  
No. Repot : JINJANG/006492/24  
Tarikh : 16/04/2024  
Waktu : 1142 AM  
Bahasa Diterima : B. Malaysia

**Butir-butir Penerima Repot :**

Nama : MOHD FAZLI BIN JALIL No. Badan : R165263 Pangkat : KPL

**Butir-butir Jurubahasa (Jika Ada) :**

Nama : --- No. K/P (Baru) : --- No. Polis/Tentera : ---  
No. Pasport : --- Bahasa Asal : ---  
Alamat : ---

**Butir-butir Pengadu :**

Nama : ---  
No. K/P (Baru) : --- No. Polis/Tentera : --- No. Pasport : ---  
No. Sijil Beranak : --- Jantina : --- Tarikh Lahir : ---  
Umur : --- Keturunan : --- Warganegara : Malaysia  
Pekerjaan : ---  
Alamat Tinggal : ---

Alamat IbuBapa : ---

Alamat Pejabat : ---

No. Tel (Rumah) : --- No. Tel (Pejabat) : --- No. Tel (Bimbit) : ---

Emel : ---

**Pengadu Menyatakan :**

DISALIN SEMULA DARI KERTAS PUTIH

**Laporan Polis**

Saya En Shaiful Azwa Bin Zakaria adalah Pengurus Besar Kumpulan Ramly yang beralamat di No. 14 & 16, Jalan 29/10A, Taman Perindustrian IKS Mukim Batu, 68100 Kuala Lumpur dan telah diberi kuasa penuh untuk membuat laporan polis ini bagi pihak semua syarikat-syarikat dibawah Kumpulan Ramly.

Pada/sekitar 12 April 2024, seorang yang bernama Ronald Chong Kok Hoong telah "viral"kan Tanda Dagangan "Ramly" yang telah diterbalikkan dengan sengaja bagi membentuk seolah-olah kalimah "Allah" dan dengan sengaja menulis perkataan "boikot" dibawahnya. Kami percaya perbuatan dengan niat jahat ini bertujuan untuk memberi gambaran kepada umum bahawa Tanda Dagangan daripada pengusaha Islam bumiputera juga telah menyalahguna dan menghina kalimah Allah, jadi tidak hairanlah pengusaha-pengusaha lain melakukan perbuatan yang sama.

Kami percaya bahawa Ronald Chong Kok Hoong ini telah melakukan perbuatan ini secara "mala fide" untuk mensabotaj perniagaan Kumpulan Ramly dan dalam masa yang sama untuk cuba membentuk suatu justifikasi kepada perbuatan pengusaha-pengusaha produk yang telah jelas sememangnya menyalahguna kalimah Allah itu sendiri. Kami juga benar-benar percaya bahawa perbuatan ini dengan sengaja dilakukan dan tiada alasan kononnya tidak faham atau kurang pengetahuan kerana adalah didalam pengetahuan umum Tanda Dagangan Ramly telah didaftarkan menurut undang-undang yang juga membentuk satu perkataan "Ramly" yang secara jelas hendaklah dibaca sebagai satu PERKATAAN "Ramly" tanpa perlu diterbalikkan. Ini berbeza dengan SIMBOL yang tidak membentuk perkataan dan bebas untuk diterbalikkan atau tidak membentuk PERKATAAN untuk dibaca.

Kami membuat laporan polis ini supaya tindakan segera diambil oleh pihak berkuasa bagi menghentikan perbuatan yang boleh merosakkan keharmonian masyarakat Malaysia dan juga yang boleh mengganggu gugat perniagaan Kumpulan Ramly.

Tandatangan Pengadu:

Tandatangan Jurubahasa(Jika ada):

Tandatangan Penerima Repot:

Salinan Repot Pertama